



## Anwar mahu penjawat awam terapkan budaya membaca, menelaah, musyawarah

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Jun 12, 2023 @ 9:12am

[mohd\\_iskandar@bh.com.my](mailto:mohd_iskandar@bh.com.my)



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berucap ketika Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya. Turut kelihatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali. NSTP/Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu budaya membaca, menelaah dan musyawarah diterapkan dalam kalangan penjawat awam terutama ketika merangka dan menetapkan dasar hala tuju negara.

Perdana Menteri berkata, budaya itu penting bagi memberi ruang dan peluang kepada penjawat awam bersuara serta menyampaikan pandangan mereka.

"Saya cuba melontarkan (konsep) Madani, tetapi itu tidak mengekang kita berbincang dan bersuara. Ini kerana dengan percanggahan idea dalam merangka dasar ekonomi mahupun pendidikan, menilai seperti dilakukan sekarang iaitu kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), hala tuju kita itu penting.

"Saya hadir dalam banyak mesyuarat, saya kata mesti ada semangat itu cuma saya nak lebarkan supaya dalam perbincangan ini, ketua jabatan dan pegawai yang ada penghususan dalam bidang itu, bersedia memberi pandangan mereka dan dengan cara begini, musyawarah akan jadi lebih bermakna dan berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perjumpaan bulanan Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dewan De' Seri Endon, PUSPANITAPURI di sini, hari ini.